

Bakal doktor kena tumpu bidang BH-26/3/2007 strategik: TPM

NUSA DUA (Bali): Pelajar Malaysia di luar negara, khususnya lebih 3,600 orang yang mengikuti jurusan perubatan di Indonesia, perlu berusaha mencapai kecemerlangan dan merealisasikan sepenuhnya potensi diri mereka, kata Datuk Seri Najib Razak.

Timbalan Perdana Menteri berkata, dalam dunia yang semakin sengit, mereka tidak lagi boleh berpuas hati sekadar menjadi doktor biasa kerana keperluan negara menuntut mereka menjadi pakar dalam bidang khusus.

"Pengkhususan dalam bidang strategik bukan saja akan meningkatkan nilai pasaran seseorang doktor, tetapi memperkukuh modal insan negara," katanya pada majlis mesra dengan lebih 100 pelajar perubatan Malaysia di sini, malam kelmarin.

Beliau berkata, kerajaan mahu melihat kejayaan yang lebih menyerlah di kalangan pelajar terutama dalam bidang strategik dan berteknologi tinggi yang masih kekurangan di Malaysia seperti pakar bedah otak dan jantung.

Najib percaya semua pelajar perubatan Malaysia di Indonesia berada di landasan dan waktu yang tepat serta semangat tinggi untuk merebut kejayaan yang lebih cemerlang bagi dibawa pulang untuk berbakti di tanah air.

Katanya, pelajar perubatan itu tidak perlu risau peluang pekerjaan kerana kerajaan pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sentiasa berusaha memperkukuh dan meningkatkan pertumbuhan ekonomi.

"Tahun lalu pertumbuhan ekonomi negara baik, pada tahap 5.9 peratus dan kita berusaha meningkatkannya ke enam peratus tahun ini. Menuju negara maju dan Wawasan 2020, negara perlukan tenaga kerja berkelayakan tinggi," tambahnya.